

25 AUG 1999

Sabah-Nanas

SABAH JADIKAN JOHOR CONTOH TANAM NANAS

JOHOR BAHRU, 25 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Sabah akan menjadikan Johor sebagai contoh untuk melaksanakan projek tanaman dan perusahaan nanas secara besar-besaran di Beaufort tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Lajim Haji Okim berkata Johor perlu dijadikan contoh kerana ia merupakan pengeluar utama nanas di negara ini.

Tambahan pula Johor mempunyai kepakaran dan banyak pengalaman dalam bidang tanaman nanas, katanya kepada pemberita selepas melawat Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Pasir Gudang, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata kawasan seluas 4,000 hektar telah diperuntukkan untuk tanaman nanas di Sabah dalam usaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran bahan makanan selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lajim berkata Sabah bukan sahaja berminat untuk mengeluarkan nanas segar tetapi juga nanas yang ditin kerana buah itu mempunyai nilai komersil.

Buat masa ini, tanaman nanas di Sabah tidak dijalankan secara komersil tetapi secara kecil-kecilan, katanya.

Lajim mengetuai rombongan seramai 75 orang terdiri daripada pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat Sabah untuk lawatan tiga hari ke Johor.

Mengenai lawatannya ke sini, beliau berkata rombongan itu sempat meninjau beberapa perusahaan industri kecil dan sederhana yang boleh dilaksanakan di Sabah.

Menurutnya, ILP yang sedang dalam pembinaan di Teluk Sepangar, dekat Kota Kinabalu, di kawasan seluas 14.24 hektar akan siap sepenuhnya Oktober tahun depan.

Apabila siap kelak, institut itu yang boleh menempatkan 750 pelatih akan menawarkan sebanyak lapan kursus.

Lajim juga telah mengunjungi Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman di pejabatnya di Bukit Timbalan di sini hari ini.

Dalam pertemuan itu, Lajim diiringi oleh Pembantu Menteri Kewangan Sabah Datuk Karim Haji Bujang dan anggota Parlimen kawasan Beaufort, Datuk Nornikman Abdullah.

Rombongan itu akan berlepas pulang ke Sabah esok.

-- BERNAMA

MKO NMO